

## **PEMBANGUNAN INOVASI TAJWID YADUN UNTUK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ILMU TAJWID**

*Hamir Hamzah Jaafar*  
*syuhasha@yahoo.com*  
*Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang.*

*Mohamad Hilmi Mat Said*  
*syuhasha@yahoo.com*  
*Pusat Sains Kemanusiaan Universiti Malaysia Pahang*

### **ABSTRAK**

Bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan suatu aspek yang perlu dititikberatkan oleh guru. Guru yang kreatif dan inovatif akan cuba menjana idea untuk menghasilkan BBM yang berinovasi bagi memastikan proses PdP dapat mencapai matlamat yang sepatutnya. Maka penulisan artikel ini adalah untuk menjelaskan tentang pembangunan BBM berbentuk inovasi yang boleh digunakan dalam PdP ilmu tajwid yang dinamakan sebagai Tajwid Yadun. Asas pembangunan inovasi ini diadaptasi dari model reka bentuk pengajaran Model ADDIE (2003) yang mempunyai lima fasa iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian. Dapatan menunjukkan Inovasi Tajwid Yadun yang dihasilkan dalam bentuk model tangan yang memberikan penekanan kepada kemahiran mengingat menghasilkan pembaharuan dalam PdP ilmu tajwid untuk mewujudkan PdP yang berkesan. Implikasi kajian ini juga dapat memberi nilai tambah dalam mempelbagaikan BBM yang boleh digunakan oleh guru dalam PdP ilmu tajwid. Justeru itu, para guru harus memberikan penekanan kepada aspek inovasi dalam PdP ilmu tajwid agar ianya lebih menarik, membantu meningkatkan daya ingatan dan kefahaman pelajar terhadap ilmu tajwid yang seterusnya membolehkan pelajar mengaplikasikannya semasa membaca al-Quran.

Kata kunci: bahan bantu mengajar, inovasi, tajwid yadun, menarik minat

## **DEVELOPMENT OF TAJWID YADUN INNOVATION FOR THE TEACHING AND LEARNING OF TAJWID**

### **ABSTRACT**

*Teaching aids used in teaching and learning sessions are an aspect that teachers need to emphasize. Creative and innovative teachers will try to generate ideas to produce innovative teaching materials to ensure that teaching and learning processes can achieve the necessary goals. So the writing of this article was to clarify the production of innovation-based teaching aids that can be used in the teaching and learning of the tajwid knowledge named as Tajwid Yadun. The basic development of this innovation was adapted from the models of teaching model ADDIE (2003) with five phases namely Analysis, Design, Development, Implementation and Evaluation. The findings show that the Innovation of Tajwid Yadun is generated in the form of hand models and emphasizes on the skills of producing innovation in teaching and learning Tajwid knowledge to create effective teaching and learning. The implications of this study can also provide added value in diversifying teaching aids that teachers can use in teaching and learning of tajwid. Hence, teachers should emphasize on the aspects of innovation in the teaching and learning of the tajwid knowledge so that it is more attractive and helps improve the memory and understanding of students towards the tajwid knowledge that the enemy enables students to apply it while reading the Qur'an.*

*Keywords: teaching aids, innovation, tajwid yadun, attract students*

### **PENDAHULUAN**

Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 menuntut setiap guru supaya bertindak lebih kreatif dan inovatif untuk mewujudkan PdP berkesan di dalam bilik darjah (Norhailmi 2017). PdP yang berkesan akan berlaku dengan adanya perancangan yang sistematik dengan memilih pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran di samping penggunaan BBM. BBM yang digunakan dalam sesi PdP akan menjadi pemudah cara (Kamarul Azmi 2011) bagi para guru mentransisikan ilmu pengetahuan kepada pelajarnya. Di samping itu, penggunaan BBM juga boleh meningkatkan kefahaman pelajar secara efektif berkaitan suatu topik yang diajar (Siti Fatimah 2010). Pelbagai BBM yang boleh digunakan oleh guru dan salah satu yang boleh diambil perhatian ialah BBM berbentuk inovasi. Guru yang kreatif dan inovatif akan cuba untuk menjana idea bagi menghasilkan BBM yang berinovasi. Dalam konteks PdP ilmu tajwid yang berbentuk fakta penggunaan BBM yang boleh dilihat, didengari, dirasai, berwarna-warni serta mempunyai bentuk yang menarik dapat membantu pelajar membina konsep-konsep yang dipelajari dengan tepat (Sapie Sabilan 2018). Teknik pembelajaran tradisional yang selama ini menjadi pilihan utama dalam pengajaran tajwid (Sulaiman Mahzan et al. 2018) dengan menggunakan kaedah syarahan berbantuan alatan seperti papan hitam/putih serta buku rujukan, perlu diperingkatkan dengan menggunakan kaedah baharu dengan berbantuan BBM yang bersesuaian dengan peredaran zaman. Oleh itu, menjadi satu cabaran kepada para guru pendidikan Islam untuk membina dan menggunakan BBM yang lain dari kebiasaan supaya dapat menghasilkan PdP yang berkesan dan menarik minat pelajar seterusnya membawa kepada pencapaian objektif pelajaran.

## **ISU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ILMU TAJWID**

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar di sekolah menengah yang boleh membaca al-Quran menggunakan hukum tajwid dengan betul, lancar dan fasih serta mengamalkannya secara berterusan. Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Islam dalam bidang tilawah al-Quran berkaitan dengan hukum tajwid di peringkat menengah, ianya selaras dengan tajuk-tajuk ilmu tajwid sepertimana di dalam kitab-kitab ilmu tajwid yang muktabar (KPM 2016). Ini menunjukkan betapa besarnya hasrat KPM untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang ilmu tajwid yang akan menjadi panduan ketika mana membaca al-Quran agar tidak berlakunya kesalahan. Dari aspek penilaian pula, pelajar-pelajar akan dinilai berdasarkan kepada standart penilaian (SPi) sepertimana yang telah digubal dalam DSKP mengikut tahap satu hingga enam (KPM 2016). Pelajar yang mencapai prestasi tahap dua merupakan pelajar yang boleh menjelaskan hukum tajwid yang telah dipelajari dengan baik. Namun sehingga hari ini keinginan itu masih belum tercapai sepenuhnya sepertimana hasrat KPM Hal ini disebabkan terdapat pelajar-pelajar yang masih tidak dapat mengingat dan memahami hukum tajwid dengan baik (Che Rozali Bin Husain 2012), ditambah pula faktor penguasaan al-Quran yang masih lemah terutamanya bagi pelajar yang masih membaca Iqra' (Khairiah Razali & Ahmad Sihes 2017). Kelemahan ini juga berlaku disebabkan proses PdP yang dilaksanakan oleh guru tidak mampu menarik minat pelajar untuk belajar kerana menggunakan kaedah tradisional sepenuhnya tanpa memikirkan kesesuaian pelajar (Siti Fatimah & Ab Halim Tamuri 2010; Eadil Mat 2010; Mohd Faez Ilias et. al 2016; Jeffery Tikok 2018). Selain itu guru Pendidikan Islam juga kerap menggunakan buku teks sebagai BBM kerana kandungan dan faktanya lengkap (Mohd Syaubari Othman 2017) semasa PdP ilmu tajwid. Akibat daripada kebergantungan kepada buku teks sebagai BBM telah menjadikan guru-guru mempunyai daya kreativiti yang lemah dan sikap tidak mahu menggunakan BBM yang lain (Mohd Faez Ilias et.al 2013) dalam sesi PdP ilmu tajwid. Hal ini berketepatan dengan kajian oleh Khadijah dan Shahrin (2006), dalam Siti Fatimah dan Ab. Halim (2010) yang mendapati bahawa masih terdapat guru Pendidikan Islam yang tidak memanfaatkan BBM semasa PdP dan masih mengamalkan kaedah pengajaran secara tradisional yang lebih berpusatkan guru. Kelemahan penguasaan ilmu tajwid juga berlaku kerana teori ilmu tajwid yang agak kompleks menyukarkan pelajar untuk mengingatinya (Siti Mursyidah Mohd Zin 2018) sehingga menyebabkan pelajar kurang memahami dan mengingatinya hukum-hukum tajwid (Mohammad Asrraff Ayob 2016). Lebih-lebih lagi apabila guru hanya mengeluarkan kembali setiap fakta yang terdapat di dalam buku teks dengan menggunakan kaedah syarahan tanpa bantuan penggunaan BBM yang lain.

Berdasarkan beberapa dapatan kajian lepas berhubung dengan permasalahan penguasaan ilmu tajwid yang berpunca daripada penggunaan kaedah pengajaran secara tradisi, penggunaan buku teks semata-mata sebagai BBM dan kandungan tajuk hukum tajwid yang agak kompleks sehingga menyukarkan pelajar untuk mempelajari, memahami dan mengingatinya, maka menjadi satu keperluan penghasilan bahan inovasi dalam PdP ilmu tajwid yang bukan hanya dijadikan sebagai BBM, malahan merangkumi kaedah pengajaran, dengan penggunaan teknik khusus yang boleh meringkaskan isi kandungan tajuk ilmu tajwid.

Guru yang menggabungkan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, kaedah dan teknik yang tertentu akan membawa kepada pengajaran yang berkesan (Mohd Nur Adzam et al. 2017) terutamanya yang menerapkan unsur-unsur kreativiti dan inovasi (Rufaizal Che Mamat 2017). Memandangkan kurangnya BBM yang boleh digunakan semasa PdP ilmu tajwid khususnya berbentuk inovasi, maka kajian ini bertujuan merangka dan membangunkan satu BBM ilmu tajwid yang dinamakan Tajwid Yadun yang akan dapat digunakan dalam PdP ilmu tajwid yang melibatkan tajuk nun sakinah dan tanwin. Penghasilan inovasi tajwid Yadun ini akan dapat membantu pelajar memahami, mengingati hukum tajwid yang dipelajarinya dengan mudah dan boleh mengaplikasikan hukum tajwid semasa membaca al-Quran.

### **TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan satu BBM yang berbentuk inovasi untuk digunakan di dalam PdP ilmu tajwid yang memberi penekanan kepada kemahiran mengingat ke arah meningkatkan penguasaan pelajar melibatkan hukum Nun Sakinah dan Tanwin dan mampu mengaplikasikannya semasa membaca al-Quran. Manakala objektif kajian adalah:

1. Menjelaskan aplikasi model ADDIE dalam pembangunan inovasi Tajwid Yadun.
2. Menjelaskan cara penggunaan inovasi Tajwid Yadun dalam PdP ilmu tajwid yang boleh menarik minat dan meningkatkan kefahaman serta daya ingatan pelajar.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan model ADDIE untuk membangunkan inovasi Tajwid Yadun. Pengkaji telah memilih model ADDIE kerana ianya merupakan model reka bentuk pengajaran yang utama dan menjadi sumber kemunculan model-model yang lain (Carr-Chellman 2011). Model ini mempunyai lima fasa iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian yang mempunyai tujuan dan fungsi tersendiri (Peterson 2003) dalam penghasilan inovasi ini. Model ADDIE ialah sebuah proses reka bentuk pengajaran lelaran (proses pengulangan) kerana setiap peringkat mempunyai penilaian formatif yang mungkin menjadi penentu kembali semula ke peringkat yang sebelumnya. Ini bermakna produk akhir bagi satu peringkat merupakan produk permulaan bagi peringkat yang seterusnya. Setelah BBM Tajwid Yadun telah berjaya disiapkan, pengkaji mendapatkan kesahan kandungan melalui pandangan dan maklum balas daripada dua orang penilai luar yang berpengalaman dan pakar dalam bidang pendidikan dan ilmu tajwid. Pengkaji juga menyemak semula dan membuat penambahbaikan inovasi Tajwid Yadun hasil daripada maklum balas daripada kedua-dua ahli pakar tersebut. Ini seterusnya dapat memastikan inovasi Tajwid Yadun yang dibangunkan adalah lebih tepat dan sempurna.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Fasa 1: Analisis**

Pada peringkat ini, matlamat dan objektif serta maklumat pelajar ditetapkan untuk membangunkan inovasi Tajwid Yadun. Hasil daripada rujukan kepada kajian sedia ada berkaitan dengan PdP ilmu tajwid daripada jurnal, kajian akedemik dan buku serta

pengumpulan maklumat melalui penilaian dan tinjauan berdasarkan buku teks Pendidikan Islam mendapati PdP ilmu tajwid yang dilaksanakan adalah untuk membolehkan pelajar menyebut dan membaca ayat-ayat al-Quran secara bertajwid tanpa menekankan aspek pengetahuan hukum tajwid dan kemahiran mengingat hukum-hukum tajwid. Selain itu BBM yang digunakan oleh guru juga merupakan BBM yang sedia ada seperti buku teks, carta tajwid dan papan tulis (Zainora Daud et al. 2018) yang tidak membantu pelajar untuk mengingat hukum-hukum tajwid.

Seterusnya, analisis maklumat pelajar bertujuan untuk memahami pelajar dengan lebih baik. Antara maklumat pelajar yang dianalisis ialah latar belakang, jangkaan daripada pembelajaran, pengetahuan dan kemahiran yang perlu dipelajari, pengetahuan sedia ada, gaya pembelajaran, motivasi, minat dan sikap terhadap pembelajaran. Pengkaji melakukan tinjauan dan perbincangan dengan guru-guru dan para pelajar untuk mendapatkan maklumat tentang kefahaman dan pencapaian ilmu tajwid pelajar. Hasilnya, pengkaji mendapati pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan hukum tajwid adalah lemah. Sebagai contoh, kesalahan-kesalahan dari aspek sebutan yang wajib dengung dan tidak perlu dengung malahan terdapat sesetengah pelajar tidak tahu dan gagal menguasai pengetahuan asas hukum tajwid dengan baik. Ini kerana pelajar sukar untuk memahami dan mengingat hukum-hukum tajwid kerana banyak yang perlu diingat (Mohammad Asraff 2016).

#### Fasa 2: Rekabentuk

Dalam fasa ini segala maklumat yang diperlukan untuk penghasilan inovasi Tajwid Yadun di susun dan direkabentuk secara keseluruhan dari segi bahan, bentuk model tangan, teknik dan aktiviti PdP. Dalam fasa ini pengkaji menerapkan teknik *takrir* untuk membantu pelajar mengingat setiap aspek pengetahuan hukum tajwid dan cara sebutan yang betul sebagai aktiviti utama pembelajaran. Aktiviti PdP disusun mengikut hirarki dari mudah ke susah berasaskan pada model tangan bersesuaian dengan objektif PdP. Penggunaan kaedah *Talaqi Musyafahah* juga digunakan untuk mempraktikkan cara bacaan bagi setiap hukum tajwid.

#### Fasa 3: Pembangunan

Proses pembangunan dilakukan berdasarkan model tangan yang dibina daripada kertas tebal dan mempunyai tiga lapisan jari untuk melaksanakan tiga langkah PdP. Setiap langkah PdP menerapkan teknik mnemonik (Maizan Mat@Muhammad 2017) iaitu teknik loci disamping aktiviti berbentuk permainan yang bertujuan untuk meningkatkan daya ingatan pelajar. Satu rancangan pengajaran juga dibina untuk menjadi panduan dalam menggunakan inovasi Tajwid Yadun. Penekanan kepada kemahiran mengingat dengan menggunakan kaedah latih tubi dalam setiap langkah pengajaran bertujuan untuk meningkatkan daya ingatan pelajar. Di samping itu juga aktiviti *hands-on* dilaksanakan dengan pelajar menggunakan jari tangan sendiri sambil melihat penerangan guru yang menggunakan model tangan. Pelajar diajar untuk berimajinasi dan membayangkan mengenai peranan jari jemari serta jumlah huruf hijaiyyah yang ada pada jari bagi memudahkan mereka mengingat hukum tajwid. Menurut Ahmad Zamzuri (2018), aspek pembangunan ini perlu ditekankan kerana dapat menghasilkan satu bahan pembelajaran yang positif.

#### Fasa 4: Perlaksanaan

Bagi fasa perlaksanaan pula, adalah fasa melaksana dan menguji inovasi Tajwid Yadun yang telah dibangunkan bagi memastikan penggunaan dan kebolehfungsian model tangan. Jika terdapat kekurangan, kelemahan dan kesilapan maka pengkaji akan membuat penambahbaikan terhadap aspek tersebut. Pelaksanaan ini akan melibatkan guru dan pelajar tingkatan dua di sekolah menengah harian yang akan menggunakan inovasi Tajwid Yadun ini semasa pelaksanaan PdP ilmu tajwid di dalam kelas.

#### Fasa 5: Penilaian

Fasa penilaian merupakan fasa yang terakhir untuk melakukan proses pengujian terhadap sasaran inovasi Tajwid Yadun yang bertujuan untuk menilai kebolehgunaan inovasi yang dibangunkan ini dan keberkesannya. Pemerolehan maklum balas akan menggunakan kaedah temubual, soal selidik dan perlaksanaan ujian untuk melihat keberkesanan inovasi Tajwid Yadun.

### TAJWID YADUN

Tajwid Yadun merupakan satu inovasi yang dibangunkan untuk mempelajari ilmu tajwid yang melibatkan tajuk Nun Sakinah dan Tanwin. Perkataan Yadun yang digunakan dalam inovasi ini adalah diambil daripada perkataan bahasa arab yang bermaksud tangan dan dibina dengan kreatif dalam bentuk model tangan yang dijadikan sebagai BBM. Inovasi Tajwid Yadun menerapkan teknik mnemonik yang boleh membantu pelajar untuk mengingat (Maizan Mat@Muhammad 2017) hukum nun sakinah dan tanwin dengan mudah dan ringkas. Teknik padanan jari-jari tangan digunakan bagi menjelaskan nama hukum-hukum tajwid, taburan huruf-huruf hijaiyyah bagi setiap hukum dan cara bacaan hukum tajwid serta contoh ayat berdasarkan saiz panjang pendek jari.

Penggunaan model tangan yang mempunyai tiga lapisan jari untuk melaksanakan tiga langkah PdP dapat memudahkan pelajar untuk mengingat isi kandungan hukum tajwid jika dibandingkan dengan perkataan. Menurut Reed (2004) bahan yang berbentuk visual merupakan salah satu cara yang sangat berkesan untuk mengingat dan memahami pengetahuan. Lapisan jari yang pertama menjelaskan tentang nama-nama hukum yang melibatkan nun sakinah dan tanwin yang disusun mengikut saiz panjang dan pendek jari iaitu: Iklab -Ibu jari, Idgham Bila Ghunnah-anak jari, Idgham Maal Ghunnah-jari manis, Izhar Halqi- jari telunjuk dan Ikhfak Hakiki-jari tengah. Lapisan jari kedua menerangkan tentang taburan huruf hijaiyyah: Ibu jari- ب , anak jari- ر ل , jari manis- م و ن ي و yang disusun menjadi perkataan مينو , jari telunjuk- عَ،عَ،عَ،عَ،عَ dan jari tengah- 0 kerana huruf lebih daripada huruf-huruf yang lain terangkum dalam 15 huruf. Lapisan jari yang ketiga menyatakan tentang tiga cara bacaan untuk setiap hukum tajwid. 1) dengung: ibu jari -Iklab, jari tengah -Ikhfak Hakiki, jari manis -Idgham Maal Ghunnah, 2) tidak dengung: anak jari-Idgham Bila Ghunnah dan 3). jelas: jari telunjuk- Izhar Halqi. Setiap langkah PdP menerapkan teknik mnemonik iaitu teknik *loci*-padanan jari tangan dengan nama hukum, taburan huruf dan cara bacaan memberikan pelajar suatu teknik yang diperlukan untuk menyusun maklumat lebih baik dan mudah serta mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan informasi pada bila-bila masa yang diperlukan (Mohd Romei Ngah, 2016).

(i) Tahap Pertama

Nama-nama hukum tajwid dipadankan mengikut mengikut saiz ukuran ketinggian jari bermula dengan jari yang pendek ke jari yang paling panjang. Ibu jari merupakan jari yang paling pendek mewakili hukum Iqlab, diikuti dengan anak jari mewakili hukum Idgham Bila Ghunnah, jari manis mewakili hukum Idgham Maal Ghunnah. Manakala jari yang agak panjang iaitu jari telunjuk mewakili hukum Izhar Halqi dan jari tengah merupakan jari yang paling panjang mewakili hukum Ikhfak Hakiki. Pembahagian padanan jari dengan nama hukum tajwid dapat difahami dengan lebih jelas berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: Padanan jari dengan nama hukum

Nama Jari	Nama Hukum	Nombor
Ibu Jari	Iqlab	1
Anak Jari	Idgham Bila Ghunnah	2
Jari Manis	Idgham Maal Ghunnah	3
Jari Telunjuk	Izhar Halqi	4
Jari Tengah	Ikhfak Haqiqi	5

Guru perlu membiasakan pelajar dengan susunan yang diatur mengikut saiz ukuran ketinggian jari bagi memantapkan lagi daya ingatan mereka tentang nama-nama hukum tajwid. Teknik kiraan satu hingga lima boleh digunakan bagi memudahkan lagi proses ingatan nama hukum tajwid, dengan cara kesemua jari digenggam dan diangkat satu persatu bermula dari jari yang paling pendek mewakili nombor satu hinggalah jari yang paling panjang merupakan nombor lima. Kajian Mohd Romei Ngah (2012) menjelaskan, masalah mengingat merupakan satu cabaran yang besar kepada pelajar dalam mata Pendidikan Islam kerana mengandungi pelbagai topik yang mempunyai banyak fakta. Gambar 1 menjelaskan tentang padanan jari dengan nama hukum tajwid menggunakan kiraan nombor satu hingga lima:



Gambar 1: Pengajaran tahap pertama model tangan inovasi Tajwid Yadun

Pengajaran tahap pertama menerapkan teknik *loci* yang merupakan salah satu teknik dalam kaedah mnemonik. Teknik *loci* ini menggunakan lokasi atau tempat yang rapat dengan diri seseorang seperti rumah, kereta, pejabat atau sebagainya (Maizan binti Mat@Muhammad 2017). Dalam inovasi Tajwid Yadun, jari digunakan kerana ianya berada pada anggota badan iaitu tangan. Dengan melihat kepada jari, pelajar boleh membayangkan dan mengingat

nama-nama hukum tajwid yang telah disusun berdasarkan nombor mengikut ukuran ketinggian jari. Teknik ini dapat membantu pelajar untuk mudah memahami, mengingat dan mengekalkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan nama-nama hukum tajwid. Umi Fairus Mohd Jamil (2018) mendapati tahap daya ingatan pelajar melalui penggunaan kaedah mnemonik adalah berada pada tahap tinggi yang mampu meningkatkan penguasaan sesuatu topik yang dipelajari, mempercepatkan hafalan dan meningkatkan kemahiran berfikir. Penggunaan model tangan yang berbentuk visual memudahkan pelajar membayangkan kedudukan nama-nama hukum tajwid dan mampu mengingatinya berbanding penyampaian secara lisan sahaja.

## (ii) Tahap Kedua

Bilangan abjad huruf al-Quran sebanyak 28 huruf akan dibahagikan mengikut ukuran ketinggian jari bermula dengan jari yang paling pendek hingga jari yang paling panjang dengan menggunakan sistem penomboran satu hingga enam dan kosong. Menerusi inovasi Tajwid Yadun nombor satu diletakkan pada hukum Iklab (ibu jari) kerana mempunyai satu huruf sahaja iaitu ب (ba). Nombor dua pada hukum Idgham Bila Ghunnah (anak jari) kerana mempunyai dua huruf iaitu ل (lam) dan ر (ro). Manakala nombor tiga berada pada jari manis mewakili hukum Idgham Maal Ghunnah. Di ikuti nombor empat diletakkan pada bilangan huruf Idgham Maal Ghunnah sebanyak empat iaitu م (min) ي (ya) ن (nun) و (wau). Penerapan kaedah mnemonik iaitu teknik kata penghubung digunakan bagi memudahkan pelajar untuk mengingat empat huruf Idgham Maal Ghunnah dengan disusun membentuk perkataan مينو (menu). Apabila perkataan مينو (menu) disebut ingatan dan imaginasi pelajar akan menggambarkan empat huruf Idgham Maal ghunnah. Guru boleh menghubungkan perkataan مينو (menu) dengan suasana setiap kali ke restoran atau ke kedai makan pasti diberikan senarai menu oleh pekerja restoran. Dengan menjadikan sesuatu perkara yang ingin diingat itu sebagai sesuatu yang bermakna, ia dapat memindahkan informasi daripada ingatan jangka pendek ke ingatan jangka panjang (Maizan Mat@Muhammad 2017).

Seterusnya nombor lima diletakkan pada hukum Izhar Halqi (jari telunjuk) dan nombor enam diletakkan pada bilangan huruf Izhar Halqi yang mempunyai enam huruf iaitu ا (alif), خ (kho), ح (kha), ع (ain), غ (ghin), ه (ha). Teknik meletakkan baris atas huruf Izhar Halqi ( ا, ح, خ, ع, غ, ه ) dan disebut dengan mengangakan mulut membantu pelajar mengingat kesemua huruf ini dengan mudah dan cepat. Nombor tujuh diletakkan pada hukum Ikhfak Hakiki (jari tengah) yang merupakan jari yang panjang sekali dan mempunyai bilangan huruf yang terbanyak iaitu 15 huruf ت (ta), ث (sa), ج (jim), د (da), ذ (za), ز (zai), س (sin), ش (syim), ص (sod), ض (doth), ط (to), ظ (zho), ف (fa), ق (khof), ك (kaf). Oleh kerana huruf Ikhfak Haqiqi mempunyai bilangan huruf yang banyak, ada dalam kalangan pelajar tidak dapat mengingatinya, jadi teknik nombor 0 digunakan. Teknik nombor 0 bermaksud, huruf Ikhfak Haqiqi merupakan huruf lebih daripada huruf-huruf hukum tajwid yang lain.

Proses pengulangan yang berbentuk permainan boleh digunakan bagi membantu pelajar-pelajar untuk mengingat abjad huruf al-Quran. Guru menggenggam tangan dan seterusnya jari diangkat mengikut ukuran saiz ketinggian secara tertib bermula dengan ibu jari hinggalah ke jari tengah. Pelajar-pelajar menyebut huruf dan nama hukum setiap kali guru mengangkat jari yang berlainan. Proses ini boleh dilakukan sehingga pelajar mengingat taburan huruf setiap hukum. Penerapan teknik mnemonik dalam pengajaran telah dapat memberikan pelajar suatu teknik yang diperlukan untuk menyusun maklumat lebih baik dan



mudah serta mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan informasi pada bila-bila masa yang diperlukan (Mohd Romei Ngah 2016). Proses pengajaran tahap dua dapat disimpulkan seperti Gambar 2:



Gambar 2: Penjelasan pembahagian abjad huruf al-Quran mengikut hukum tajwid. yang menggunakan sistem nombor.


### (iii) Tahap Ketiga

Hukum Nun Sakinah dan Tanwin bertemu dengan 28 abjad huruf al-Quran mempunyai tiga cara bacaan iaitu dengung, tanpa dengung dan jelas. Dengan penggunaan inovasi Tajwid Yadun bacaan dengung terletak pada ibu jari (Iklab), jari tengah (Ikhfak Hakiki) dan jari manis (Idgham Maal Ghunnah). Cara bacaan dengung beserta dengan nama hukum lebih mudah untuk dijelaskan kepada pelajar dengan menggunakan teknik menggerakkan ketiga-tiga hujung jari (ibu jari, jari tengah dan jari manis) agar bersentuhan dan membentuk suatu bahasa isyarat. Teknik penerangan (lisan atau *verbal*) yang digabungkan dengan pergerakan tangan (komunikasi isyarat atau *non-verbal*) memudahkan pelajar untuk mengingat cara bacaan dengung. Gabungan kedua bentuk komunikasi ini memantapkan pemahaman dan ingatan pelajar. Menurut Mohd Safiee Hj. Idris et.al (2008), mendapati guru-guru yang mempunyai kemahiran komunikasi baik dapat mewujudkan sesi pengajaran yang berkesan dan menarik perhatian pelajar memahami apa yang cuba disampaikan. Cara bacaan yang kedua ialah tanpa dengung yang terletak pada anak jari (Idgham Bila Ghunnah). Penggunaan perkataan berlawanan diterapkan dalam penerangan, dengan guru bertanya “dengung

lawannya apa?, pasti pelajar-pelajar akan menjawab tanpa dengung atau tidak dengung” secara tidak langsung memudahkan pelajar untuk mengingat cara bacaan ini. Cara bacaan yang ke tiga yaitu jelas, bagi hukum Izhar Halqi diletakkan pada jari telunjuk. Penerangan guru tentang bacaan jelas bagi Izhar Halqi ini, disertakan dengan perlakuan aksi seolah-olah sedang menunjukkan sesuatu dengan menggunakan jari telunjuk memudahkan dan menguatkan ingatan pelajar. Sekali lagi teknik kata penghubung dalam kaedah mnemonik diterapkan dalam pengajaran iaitu mengaitkan atau mengasosiasikan satu kata dengan kata yang lain melalui sebuah aksi atau gambaran (Maizan Mat@Muhammad 2017). Gambar 3 dan 4 menunjukkan cara pengajaran cara bacaan bagi setiap hukum tajwid.



Gambar 3: Penggunaan model tangan inovasi Tajwid Yadun bagi menjelaskan hukum bacaan dengung.



Gambar 4: Penerangan inovasi Tajwid Yadun tentang bacaan tanpa dengung dan jelas

## KESIMPULAN

Bagi menjamin keberkesanan proses PdP guru perlu memberi penekanan kepada aspek pemilihan dan penggunaan BBM yang sesuai dan digunapakai secara sistematik kerana sangat mempengaruhi proses penerimaan pelajar terhadap pengajaran guru. Penggunaan inovasi dalam PdP ilmu tajwid amat diperlukan selaras dengan pendidikan abad ke 21. Para guru harus memberikan penekanan yang lebih kepada aspek inovasi terhadap pembelajaran demi menghasilkan pembaharuan di dalam proses PdP agar ianya lebih menarik dan membantu memberi kefahaman kepada pelajar (Noornajihan Jaafar 2018).

Penekanan dan usaha yang berterusan ke arah membantu pelajar untuk lebih memahami ilmu tajwid dan mahir membaca al-Quran adalah penting dengan menggunakan pelbagai teknik dan kaedah dengan berbantuan BBM yang berbentuk inovasi. Secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah golongan yang tidak boleh membaca al-Quran secara bertajwid. Malah penerapan penggunaan teknik mnemonik yang ringkas dan mudah harus dijadikan medium tambahan ke arah menjadikan PdP ilmu tajwid lebih menarik dan menyeronokkan serta lebih mudah di dekati oleh pelajar. Oleh itu, dengan adanya inovasi Tajwid Yadun diharapkan menjadi satu alternatif pembelajaran ilmu tajwid selain daripada pembelajaran tradisional yang telah sedia ada. Kepelbagaian BBM yang mempunyai nilai inovasi dalam PdP ilmu tajwid mampu membantu guru memenuhi tuntutan penyediaan BBM yang akan memberi kesan positif terhadap pelajar dalam proses PdP bidang al Quran dan bidang tajwid di sekolah.

## RUJUKAN

- Ahmad Zamzuri Mohamad Ali. (2018). *Multimedia dan Perisian Pendidikan Panduan Praktikal Reka Bentuk dan Penyelidikan*. Tanjong Malim. UPSI
- Che Rozali Che Husain. (2012). *Penguasaan tajwid Hukum Lima Di Kalangan Pelajar Tahun Limam* (Open University Malaysia). Retrieved from <http://www.scribd.com/doc/168451921/Penguasaan-tajwid-Hukum-Lima-Di-Kalangan#scribd>
- Eadil Mat. (2010). *Kelas Khas Kemahiran Al-Qur'an (KKQ): Kajian Kaedah Pelaksanaan Dan Keberkesanannya Di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) Di Daerah Gombak, Selangor*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jeffery Tikok (2018). Sikap Dan Jantina Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Daerah Serian Terhadap Pemilihan Bahan Bantu Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 8, Bil. 1 (Mei 2018): 13-21.
- Kamarul Azmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 2011 59-74
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 2*. Putrajaya.: Bahagian Pembangunan

- Khairiah binti Razali & Ahmad Johari bin Sihes. (2015). Teknologi e-Quran Dalam Meningkatkan Penguasaan tajwid Dalam Kalangan Pelajar Tahun 3. Interdisciplinary ICT Practise Conference 2015 (Persidangan Amalan ICT Antara Disiplin). Retrieved from [http://www.academia.edu/19206404/Teknologi\\_Quran\\_Dalam\\_Meningkatkan\\_Penguasaan\\_tajwid\\_Dalam\\_Kalangan\\_Pelajar\\_Tahun\\_3](http://www.academia.edu/19206404/Teknologi_Quran_Dalam_Meningkatkan_Penguasaan_tajwid_Dalam_Kalangan_Pelajar_Tahun_3)
- Maizan binti Mat@Muhammad. (2017). Teknik Mnemonik Sebagai Strategi Kognitif Dalam Meningkatkan Keupayaan Ingatan Pelajar Peringkat Pengajian Pra-U: Sorotan Kajian Lepas Dalam National Pre-University Seminar, 23 Ogos 2017. RHR Hotel, 309-317
- Maizan Mat@Muhammad, Kalthom Husain & Marhaini Abdul Ghani. (2017). Teknik Mnemonik Sebagai Strategi Kognitif Dalam Meningkatkan Keupayaan Ingatan Pelajar Peringkat Pengajian Tinggi Bagi Penguasaan Bahasa Inggeris: Sorotan Kajian Lepas Dalam Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE), 3th -14th Desember 2017, Grand Bluewave Hotel Shah Alam, 180-188
- Mohammad Asraff Ayob Al-Hafiz (2016). *Mudahnya Ngaji Tajwid*. Kajang Selangor: Furqanworks Sdn. Bhd.
- Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed & Murihah Abdullah (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. *e-Academia Journal UiTMT Volume 5 Issue 2 2016*. <http://journale-academiauitmt.edu.my/>
- Mohd Faez Ilias, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2013). Faktor Dorongan dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar oleh Guru Pendidikan Islam di Sekolah Bestari in 3rd International Conference on Islamic Education 2013 [ICIED2013] at EPF Institute, Kajang, Selangor, Malaysia on 6th - 7th April 2013, p. 943-953. ISBN: 978-96710160-4-6.
- Mohd Nur Adzam Rasdi, Noornajihan Jaafar, Khairul Anuar Mohamad, Nur Badriah Omar, Norakyairee Mohd Raus, Mahyuddin Hashim & Siti Rahmah Ahmad Razuan (2017). Iqra Braille Sebagai Modul Asas Pengajaran Dan Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Isu Ketidakeragaman Antara Dua Teks. *Jurnal Pendidikan al-Quran Sunnah & Berkeperluan Khas*, 1-6.
- Mohd Romei Ngah, Harun Baharudin & Mohd Aderi Che Noh. (2016). Teknik Pembelajaran Mnemonik Dalam Pendidikan Islam Tingkatan Empat. Dalam Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11 2016, 16 November 2016. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi, Selangor, 1161-1171.
- Mohd Safiee Hj. Idris, Hj. Ashari Sikorb, Siti Zahara Binti Mohd Ariff, Mohd Zaid Mustafac, Ahmad Rizal Madard & Latifah Md. Ariffine. (2008). Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. Universiti Teknologi Malaysia, 22-23Oktober 2008
- Mohd Syaubari Othman. (2017). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Menerusi Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, e-ISSN: 0128-2069, Volume 2, Issue 1, June 2017
- Noornajihan Jaafar & Nur Atiqah Abdul Aziz. (2018). Faktor Penguasaan Pembelajaran Al Quran Orang Kelainan Upaya Masalah Penglihatan: Kajian Di Sekolah Kebangsaan

- Pendidikan Khas (SKPK) Alma, Pulau Pinang. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 4(2),12 - 23, e - ISSN: 2289 - 960X
- Norhailmi bin Abdul Mutalib. (2017). *Pembelajaran Abad 21 Bukan Sekadar Susun Kerusi dan Meja*. Perlis: Percetakan Perlis (1990) Sdn. Bhd.
- Peterson, C. (2003). Bringing ADDIE to life: Instructional design at its best. *Journal of Educational Multimedia and Hypermedia*, 12(3), 227-241.
- Reed, S.K. (2004). *Cognition Theory and Applications*. New Jersey: Wadsworth/Thomson Learning.
- Carr-Chellman, A. A. (2011). *Instructional design for teachers: Improving classroom practice*. New York: Routledge.
- Rufaizal Che Mamat, Azuin Ramli (2017). Kemahiran Belajar Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Abad ke-21 Melalui Khemah Kerja Geoteknik. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education 1* (1): 384-389, 2017 eISSN: 2550-2174
- Sapie Sabilan, Mohd Borhan Jamaluddin, Siti Nga'ishah Mohni (2018). Tahap Keberkesanan Penggunaan Kad Warna Jawiku Dalam Meningkatkan Kemahiran Menyambung Huruf Jawi. Kertas kerja Intenational Conference on Da'wah 2018 (ICOD 2018)
- Siti Fatimah, A., & Halim, T. (2010). Persepsi guru terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi multimedia dalam pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53–64.
- Siti Mursyidah Mohd Zin, Mashitah Binti Ismail (2018). Kelebihan Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran Secara Bertajwid Menggunakan Kaedah Almatien. Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018. THIQAHA 2018. e-ISBN :978-967-2122-37-1
- Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Shamsol Shafie dan Mohamad Hafidz Rahmat (2018). Aplikasi Didik Hibur Tajwid al-Quran (Teroka Tajwid): Kajian Awal Persepsi Pengguna. *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*. 2 (1) 1-16, 2018 ISSN: 2600-7606.
- Umi Fairus Mohd Jamil & Fazlinda Ab Halim. (2018). Kaedah Mnemonik Akronim Dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi Di Sekolah Rendah Agama Bersepadu Mersing Retrieved From [Online Journal for TVET Practioners: Vol 3 No 1 \(2018\)](#)
- Zainora Daud, Shaharuddin Saad, H. H. (2018). Tahap Keberkesanan Ilmu Tajwid: Analisis Terhadap Sekolah Tahfiz Swasta Di Selangor. *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needsnal of Social Sciences Research*, 2(June 2018), 24–35. <https://doi.org/10.11113/sh.v10n3-4.1537>